UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PERANAN PEMBIAYAAN INSTITUSI PERBANKAN ISLAM DALAM MEMBANTU USAHAWAN MUSLIM DI LEMBAH KLANG.***

***NORSAZALI BIN ABDULLAH***

**FEM 2014 45**

**PERANAN PEMBIAYAAN INSTITUSI PERBANKAN ISLAM DALAM MEMBANTU USAHAWAN MUSLIM DI LEMBAH KLANG.**

**Oleh**

**NORSAZALI BIN ABDULLAH**

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

**Disember 2014**

© COPYRIGHT UPM

**HAK CIPTA**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan buku komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia

© COPYRIGHT UPM

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**PERANAN PEMBIAYAAN INSTITUSI PERBANKAN ISLAM DALAM MEMBANTU USAHAWAN MUSLIM DI LEMBAH KLANG.**

Oleh

**NORSAZALI BIN ABDULLAH**

**Disember 2014**

**Pengerusi: Mohd Daud bin Awang, PhD**
**Fakulti: Ekologi Manusia**

Kajian ini memfokuskan tentang peranan pembiayaan institusi perbankan Islam dalam membantu usahawan Muslim di Lembah Klang. Pemasalahan kajian membincangkan tentang sejauhmana pembiayaan dan peranan institusi perbankan Islam dalam membantu usahawan Muslim memajukan perniagaan mereka. Antara objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti operasi, perkhidmatan, jenis produk pembiayaan perniagaan yang ditawarkan kepada usahawan Muslim serta pencapaian mereka setelah mendapat pembiayaan. Selain itu, mengenal pasti faktor penggalak dan penghalang dalam usahawan mendapatkan pembiayaan; mengenal pasti faktor kegagalan usahawan Muslim; mengkaji keberkesanan produk pembiayaan kepada usahawan Muslim dan juga mengkaji peranan institusi perbankan Islam dalam membantu dan memantau usahawan Muslim memajukan perniagaannya. Kajian ini menggunakan metod temu bual mendalam (*in-depth interview*) bagi pengumpulan data dengan menemu bual 6 orang informan dari kalangan pegawai bank yang terlibat sebagai ketua di jabatan pembiayaan perniagaan di 4 buah ibu pejabat perbankan Islam yang dikaji (BIMB, BMMB, Bank Rakyat dan SME Bank) dan juga temu bual kepada 8 orang usahawan Muslim yang telah memperolehi produk pembiayaan perniagaan dari bank-bank yang dikaji. Segala data temubual ditranskripkan secara *verbatim*dan kemudiannya dianalisa menggunakan *software Nvivo*. Kajian ini mendapati bahawa promosi pembiayaan melalui media, pameran, karnival dan iklan sangat berkesan kepada usahawan. Selain itu, produk SPED dan TUB menjadi pilihan usahawan kerana ciri-ciri serta kelebihan produk tersebut. Kajian juga mendapati, pemilihan usahawan terhadap produk pembiayaan disebabkan ianya patuh Syariah, tiada cagaran, mudah dan proses yang cepat. Namun demikian, perniagaan yang tidak stabil, usahawan disenarai hitam dan sikap pegawai bank adalah antara faktor penghalang usahawan mendapatkan pembiayaan. Di akhir kajian ini, pelajar telah memberikan cadangan kepada institusi perbankan Islam, usahawan Muslim, agensi kerajaan dan Dewan Perniagaan Islam Malaysia untuk menambah baik kelemahan yang wujud dan diharapkan kajian ini dapat menyumbang kepada pembinaan tamadun ummah melalui bidang keusahawanan.

© COPYRIGHT UPM

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the Doctor of Philosophy

**THE ROLE OF FINANCING ISLAMIC BANKING INSTITUTIONS IN ASSISTING MUSLIM ENTREPRENEURS IN KLANG VALLEY.**

By

**NORSAZALI BIN ABDULLAH**

**December 2014**

**Chairman: Mohd Daud bin Awang, PhD**
**Faculty: Human Ecology**

This study focuses on the role of financing Islamic banking institutionsin assisting Muslim entrepreneurs in Klang Valley. Problem of study discusses about the extent of funding and the role of Islamic banking institutions in helping entrepreneurs develop their businesses Muslim. The objectives of this study were to identify the operations, services, product type of business financing offered to Muslim entrepreneurs as well as their achievements after obtaining financing. In addition, identify the factors and barriers to entrepreneurs seeking financing; failure to identify the factors Muslim entrepreneurs; review the effectiveness of financial products to Muslim entrepreneurs and also examines the role of Islamic banking institutions to assist and monitor Muslim entrepreneurs to develop their business. This research uses in-depth interview method for the data collection process. The interview was done with 6 selected informants among the bank officials ranking as the head for the department of business financing in the 4 Islamic banking headquarters (BIMB, BMMB, Bank Rakyat and SME Bank). This method was also done among 8 Muslim entrepreneurs who have obtained business financing of the banks surveyed. All interviews data transcribed verbatim and then analyzed using NVivo software.The study found that promotional financing through the media, exhibitions, carnivals and advertising is very effective for entrepreneurs. In addition, the product SPED and TUB become entrepreneurs choice because of the characteristics and advantages of the product. The study also found that entrepreneurs selection of products because they are Shariah-compliant financing, no collateral, simple and quick process. However, an unstable business, entrepreneurs blacklisted and attitude bankers are among the obstacles entrepreneurs get financing. At the end of the study, student gave suggestions to the Islamic banking institutions, Muslim entrepreneurs, government agencies and the Malaysian Islamic Chamber of Commerce to improve the weaknesses and hoped that this study will contribute to the development of “Ummah” in entrepreneurship.

© COPYRIGHT UPM

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala puji bagi Allah s.w.t. yang telah memberikan keizinan dan rahmatNya kepada manusia untuk menjadi khalifah di atas muka bumi ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar, Nabi Muhammad s.a.w. sebagai rasul utusan terakhir, para sahabat, tabiin dan seluruh hambaNya yang sentiasa beroleh petunjuk dan hidayahNya.

Setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan kepada Penciptaku Rabbul Jalil atas limpah kurniaNya, saya diberikan kesihatan tubuh badan yang baik dan kekuatan mental dalam menyempurnakan kajian ini dengan jayanya.

Sejuta penghargaan buat kedua ayahanda bondaku yang telah membimbingku dengan didikan yang sempurna, buat isteri dan semua anakandaku sekalian yang telah banyak berkorban masa dan tenaga dalam perjalanan menyempurnakan kajian atau tesis ini. Semoga ianya akan dirahmati dan diberkati Allah s.w.t. di dunia dan akhirat.

Jutaan terima kasih yang tidak terhingga buat Dr. Mohd Daud bin Awang selaku penyelia utama, Dr.Mohamed Hisham bin Dato Hj Yahya dan Dr. Amaludin bin Ab. Rahman selaku ahli jawatankuasa penyeliaan yang telah banyak memberikan bimbingan, pandangan, teguran, panduan serta tunjuk ajar yang sangat berharga sepanjang saya menyempurnakan kajian ini. Semoga jasa baik para penyelia ini akan dinilai sebagai amal soleh oleh Allah s.w.t.

Setinggi-tinggi penghargaan juga ditujukan buat semua pegawai bank dan responden yang telah sudi untuk ditemu bual bagi mendapatkan data-data kajian dalam menyempurnakan penulisan tesis ini. Segala kerjasama yang telah diberikan amatlah besar ertinya dalam menyempurnakan kajian ini.

Penghargaan juga ditujukan khusus kepada pihak Universiti Kuala Lumpur (UNIKL) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang telah memberikan biasiswa kepada saya sepanjang tempoh pengajian di Universiti Putra Malaysia ini.

Tidak dilupakan juga buat sahabat-sahabat dan teman seperjuangan yang sering memberikan motivasi dan kata-kata semangat dalam menyempurnakan kajian ini. Semoga perjalanan kita di dunia ini akan sentiasa dirahmati dan mendapat keredhaan Allah s.w.t.

Akhir kata, jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan buat semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyempurnakan penulisan tesis ini, semoga Allah s.w.t. akan membalasNya dengan balasan yang setimpal dan seadilnya.Sekian terima kasih.

NORSAZALI ABDULLAH

© COPYRIGHT UPM

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 22 Disember2014 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Norsazali bin Abdullah bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Peranan Pembiayaan Institusi Perbankan Islam dalam Membantu Usahawan Muslim di Lembah Klang” mengikut Akta Universiti Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi Ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Asnarulkhadi b Abu Samah, PhD**
Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

**Ahmad Tarmizi Talib, PhD**
Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksan Dalam)

**Nurdeng Deuraseh, PhD**
Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

**Razaleigh bin Muhamat @ Kawangit, PhD**
Profesor Madya
Universiti Kebangsaan Malaysia
(Pemeriksa Luar)

______________________________

**ZULKARNAIN ZAINAL, PhD**
Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 17 Jun 2015

© COPYRIGHT UPM

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Mohd Daud bin Awang, PhD**
Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

**MohamedHisham bin Dato Haji Yahya, PhD**
Pensyarah Kanan
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

**Amaludin bin Ab. Rahman, PhD**
Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

______________________________
**BUJANG BIN KIM HUAT, PhD**
Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

© COPYRIGHT UPM

© COPYRIGHT UPM

## PERAKUAN

### Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: ___________________________ Tarikh:_____________________

Nama dan No. Matrik: ________________________________________________

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012- 2013) telah dipatuhi.

Tandatangan:________________
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan _________________

Tandatangan:____________________
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan _____________________

Tandatangan: ________________
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan _________________

Tandatangan: ___________________
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan_____________________

© COPYRIGHT UPM

# ISI KANDUNGAN


| | | | | Muka surat |
|---|---|---|---|---|
| **ABSTRAK** | | | | i |
| ***ABSTRACT*** | | | | ii |
| **PENGHARGAAN** | | | | iii |
| **PENGESAHAN** | | | | iv |
| **PERAKUAN** | | | | vi |
| **SENARAI JADUAL** | | | | xii |
| **SENARAI RAJAH** | | | | xiii |
| **SENARAI SINGKATAN** | | | | xiv |
| **BAB** | | | | |
| **1** | **PENGENALAN** | | | 1 |
| | 1.0 | Pendahuluan | | 1 |
| | 1.1 | Latar Belakang Masalah | | 1 |
| | 1.2 | Persoalan Kajian | | 3 |
| | 1.3 | Objektif Kajian | | 4 |
| | 1.4 | Kepentingan Kajian | | 4 |
| | 1.5 | Batasan Kajian | | 5 |
| | 1.6 | Definisi Konseptual Dan Operasional Kajian | | 5 |
| | | 1.6.1 | Pembiayaan Islam | 5 |
| | | 1.6.2 | Institusi Perbankan Islam | 6 |
| | | 1.6.3 | Usahawan Muslim | 8 |
| | 1.7 | Teori Ekonomi Ibn Khaldun Dalam Peradaban Islam | | 9 |
| | 1.8 | Struktur Penulisan | | 11 |
| | 1.9 | Kesimpulan | | 12 |
| **2** | **KAJIAN LITERATUR** | | | 13 |
| | 2.0 | Pendahuluan | | 13 |
| | 2.1 | Kajian Lepas | | 13 |
| | | 2.1.1 | Konsep Dan Prinsip Produk Pembiayaan Perniagaan Islam | 13 |
| | | 2.1.2 | Pembiayaan Islam dan Usahawan Muslim | 15 |
| | | | 2.1.2.1 Kefahaman Usahawan Terhadap Produk Pembiayaan Islam | 15 |
| | | | 2.1.2.2 Gelagat Usahawan Terhadap Pembiayaan Islam | 16 |
| | | | 2.1.2.3 Tahap Kesedaran Usahawan Terhadap Produk Pembiayaan Islam | 16 |
| | | | 2.1.2.4 Peranan Kerajaan Terhadap Peluang Usahawan Dalam Sistem Perbankan Islam | 16 |
| | | 2.1.3 | Keusahawanan Islam | 19 |




© COPYRIGHT UPM

2.1.3.1 Pengurusan Dan Kemahiran Usahawan Muslim 19
2.1.3.2 Faktor Kegagalan Usahawan Muslim 20
2.2 Kesimpulan 20

**3 METODOLOGI KAJIAN** 21
3.0 Pendahuluan 21
3.1 Kaedah Pengumpulan Data 21
3.2 Kaedah Pemilihan Sampel Kajian 23
3.2.1 Pegawai Bank (Informan Temu Bual) 24
3.2.2 Usahawan Muslim (Respondan Temu Bual) 25
3.2.3 Institusi Perbankan Islam 27
3.3 Instrumen Kajian 27
3.4 Kaedah Penganalisaan Data 28
3.5 Kesimpulan 29

**4 PRODUK PEMBIAYAAN PERNIAGAAN DI INSTITUSI PERBANKAN ISLAM** 31
4.0 Pendahuluan 31
4.1 Produk Pembiayaan Perniagaan di Bank Islam Malaysia (BIMB) 31
4.1.1 Pengenalan 31
4.1.2 BIMB Sebagai Institusi Perbankan Islam 32
4.1.3 Produk Pembiayaan Perniagaan di BIMB 34
4.1.4 Konsep, Prinsip dan Operasi Pembiayaan Perniagaan di BIMB 34
4.1.5 Kaedah Permohonan Pembiayaan Perniagaan di BIMB 35
4.2 Produk Pembiayaan Perniagaan di Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) 37
4.2.1 Pengenalan 37
4.2.2 BMMB Sebagai Institusi Perbankan Islam 37
4.2.3 Produk Pembiayaan Perniagaan di BMMB 38
4.2.4 Konsep, Prinsip dan Operasi Pembiayaan Perniagaan di BMMB 38
4.2.5 Kaedah Permohonan Pembiayaan Perniagaan di BMMB 39
4.3 Produk Pembiayaan Perniagaan di Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (Bank Rakyat) 40
4.3.1 Pengenalan 40
4.3.2 Bank Rakyat Sebagai Institusi Perbankan Islam 40
4.3.3 Produk Pembiayaan Perniagaan di Bank Rakyat 42
4.3.4 Konsep, Prinsip dan Operasi Pembiayaan Perniagaan di Bank Rakyat 43
4.3.5 Kaedah Permohonan Pembiayaan Perniagaan di Bank Rakyat 44




© COPYRIGHT UPM

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 4.4 | Produk Pembiayaan Perniagaan di Bank Industri Kecil Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank) | 45 |
| | | 4.4.1 Pengenalan | 45 |
| | | 4.4.2 SME Bank Sebagai Institusi Perbankan Islam | 45 |
| | | 4.4.3 Produk Pembiayaan Perniagaan di SME Bank | 45 |
| | | 4.4.4 Konsep, Prinsip dan Operasi Pembiayaan Perniagaan di SME Bank | 46 |
| | | 4.4.5 Kaedah Permohonan Pembiayaan Perniagaan di SME Bank | 46 |
| | 4.5 | Kesimpulan | 47 |
| **5** | **USAHAWAN MUSLIM DAN PEMBIAYAAN PERNIAGAAN** | | 49 |
| | 5.0 | Pendahuluan | 49 |
| | 5.1 | Keusahawanan Menurut Perspektif Islam | 49 |
| | 5.2 | Perkembangan Usahawan Muslim Di Malaysia | 53 |
| | 5.3 | Keperluan Usahawan Terhadap Pembiayaan Dari Institusi Perbankan Islam | 55 |
| | 5.4 | Strategi Meningkatkan Ekonomi Usahawan Muslim | 56 |
| | 5.5 | Kesimpulan | 60 |
| **6** | **ANALISA KAJIAN** | | 61 |
| | 6.0 | Pendahuluan | 61 |
| | 6.1 | Tema-tema Kajian | 61 |
| | | 6.1.1 Tema Utama Bank dan Usahawan | 62 |
| | | 6.1.1.1 Sumber Maklumat Produk Pembiayaan | 62 |
| | | 6.1.1.2 Jenis Dan Kelebihan Produk Pembiayaan | 63 |
| | | 6.1.1.3 Hasil Pencapaian Usahawan | 64 |
| | | 6.1.1.4 Faktor-faktor Penggalak | 65 |
| | | 6.1.1.5 Faktor-faktor Penghalang | 68 |
| | | 6.1.1.6 Faktor Kegagalan Usahawan | 72 |
| | | 6.1.1.7 Keberkesanan Produk Pembiayaan | 75 |
| | | 6.1.1.8 Peranan Perbankan Islam | 76 |
| | 6.2 | Kesimpulan | 80 |
| **7** | **RUMUSAN DAN SARANAN** | | 81 |
| | 7.0 | Pendahuluan | 81 |
| | 7.1 | Rumusan | 81 |
| | 7.2 | Sumbangan Kajian | 86 |
| | | 7.2.1 Sumbangan Kepada Institusi Perbankan Islam | 86 |
| | | 7.2.2 Sumbangan Kepada Usahawan Muslim | 86 |
| | | 7.2.3 Sumbangan Kepada Pihak Kerajaan dan Swasta | 87 |
| | 7.3 | Cadangan dan Saranan | 87 |



© COPYRIGHT UPM

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 7.3.1 | Institusi Perbankan Islam | 87 |
| | 7.3.2 | Usahawan Muslim | 87 |
| | 7.3.3 | Agensi Kerajaan | 88 |
| | 7.3.4 | Dewan Perniagaan Islam Malaysia | 88 |
| | 7.3.5 | Cadangan Untuk Kajian Akan Datang | 89 |
| 7.4 | Kesimpulan | | 89 |

**BIBLIOGRAFI** 90
**LAMPIRAN** 108
**BIODATA PELAJAR** 140
**SENARAI PENERBITAN** 141


© COPYRIGHT UPM

## SENARAI JADUAL


| Jadual | | Muka Surat |
|---|---|---|
| 3.1 | Senarai Informan Temu Bual | 24 |
| 3.2 | Senarai Respondan Temu Bual | 25 |
| 6.1 | Sumber Maklumat Produk Pembiayaan | 62 |
| 6.2 | Jenis Produk Pembiayaan | 63 |
| 6.3 | Kelebihan Produk Pembiayaan | 64 |
| 6.4 | Hasil Pencapaian Usahawan | 65 |
| 6.5 | Faktor-faktor Penggalak | 65 |
| 6.6 | Faktor-faktor Penghalang | 68 |
| 6.7 | Faktor Kegagalan Usahawan | 72 |
| 6.8 | Keberkesanan Produk Pembiayaan | 75 |
| 6.9 | Peranan Perbankan Islam | 76 |


© COPYRIGHT UPM

## SENARAI RAJAH


| Rajah | | Muka Surat |
|---|---|---|
| 1.1 | Model Teori Ekonomi Ibn Khaldun | 22 |
| 1.2 | Model Pembiayaan Islam kepada Usahawan Muslim (Ubahsuai berdasarkan Teori Ekonomi Ibn Khaldun) | 23 |


© COPYRIGHT UPM

## SENARAI SINGKATAN

| | |
|---|---|
| ABI | Akta Bank Islam |
| a.s. | Alaihi Salam |
| BAFIA | *Banking and Financial Institutions Act* |
| BBA | Bai' Bithaman Ajil |
| BBMB | Bank Bumiputera Malaysia Berhad |
| BIMB | Bank Islam Malaysia Berhad |
| BMMB | Bank Muamalat Malaysia Berhad |
| BNM | Bank Negara Malaysia |
| BPIMB | Bank Pembangunan Infrastruktur Malaysia Berhad |
| BIRT | BIMB Institute of Research and Training |
| CAHB | *Commerce Asset Holding Berhad* |
| CGCMB | *Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad* |
| CCRIS | *Central Credit Reference Information System* |
| Cet. | Cetakan |
| CTOS | *Credit Tip Off Service* |
| DEB | Dasar Ekonomi Baru |
| DPIM | Dewan Perniagaan Islam Malaysia |
| DPN | Dasar Pembangunan Nasional |
| DSR | *Debt Service Ratio* |
| DWN | Dasar Wawasan Negara |
| Ed. | Editor |
| EXIM Bank | *Export Import Bank of Malaysia Berhad* |
| FMM | *Federation of Malaysian Manufacturers* |
| h. | halaman |
| hh. | halaman-halaman |



© COPYRIGHT UPM

| | |
|---|---|
| IAIB | *International Association of Islamic Bank* |
| IBBM | Institut Bank-bank Malaysia |
| IBFIM | *Islamic Banking and Finance Institute Malaysia* |
| *Ibid*. | Latin: Ibidem (pada tempat, buku atau halaman yang sama) |
| ICT | *Information and Communication Technology* |
| IDB | Islamic Developement Bank (Bank Pembangunan Islam) |
| IKIM | Institut Kefahaman Islam Malaysia |
| IKS | Industri Kecil Sederhana |
| INCEIF | *International Centre for Education in Islamic Finance* |
| IPTA | Institut Pengajian Tinggi Awam |
| IPTS | Institut Pengajian Tinggi Swasta |
| Jil. | Jilid |
| KPA | Kadar Pembiayaan Asas |
| KPDNKK | Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan |
| LUTH | Lembaga Urusan Tabung Haji |
| MARA | Majlis Amanah Rakyat |
| MECD | *Ministry of Entrepreneur and Cooperative Development* |
| MITI | *Ministry of International Trade Industry* |
| OIC | *Organisation of Islamic Cooperation* |
| *Op.cit*, | Latin: *opera citato* (dalam karya yang sudah dipetik) |
| PBT | Pihak Berkuasa Tempatan |
| PERKIM | Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia |
| PKS | Perusahaan Kecil Sederhana |
| PIUS | Program Inkubator Usahawan Siswazah |
| PUNB | Perbadanan Usahawan Nasional Berhad |



© COPYRIGHT UPM

| | |
|---|---|
| PWTC | *Putra World Trade Centre* |
| r.a. | Radhiyallahu anhu @ Radhiyallahu anha |
| RMK | Rancangan Malaysia Ke |
| s.a.w. | Sallallahu Alaihi Wassallam |
| SDSI | Satu Daerah Satu Industri |
| SJUM | Skim Jaminan Usahawan MARA |
| SME | *Small Medium Enterprise* |
| SMIDEC | *Small and Medium Sized Industry Development Corporation* |
| SPI | Sistem Perbankan Islam |
| SPSS | *Statistical Package for Social Science* |
| SPTF | Sistem Perbankan Tanpa Faedah |
| SPK | Sijil Pelaburan Kerajaan |
| SSM | Suruhanjaya Syarikat Malaysia |
| s.w.t. | Subhanahu Wataala |
| TEKUN | Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga Nasional |
| t.t | Tanpa tarikh |
| USIM | Universiti Sains Islam Malaysia |
| Vol. | Volum |

© COPYRIGHT UPM

# BAB SATU

# PENGENALAN

## 1.0 Pendahuluan

Sistem perbankan Islam (SPI) telah memainkan peranannya yang sangat penting dalam memajukan ekonomi dan tamadun dunia. Sistem perbankan yang ada kini adalah kesan teori sistem konvensional yang telah membawa unsur-unsur ketidakadilan dalam kehidupan masyarakat. Oleh itu, perbankan Islam telah diperkenalkan sebagai alternatif dan kini SPI telah menjadi satu sistem perbankan moden yang berdaya saing dengan sistem konvensional.

## 1.1 Latar Belakang Masalah

Perbankan Islam menawarkan pelbagai produk seperti pembiayaan individu, pembiayaan perdagangan atau pembiayaan perniagaan yang mana pembiayaan perniagaan ini boleh dibahagikan kepada pembiayaan perniagaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan juga pembiayaan perniagaan korporat yang melibatkan syarikat-syarikat besar. Justeru itu, permasalahan kajian akan meneliti dari segi operasi, perkhidmatan dan produk pembiayaan yang ditawarkan oleh institusi perbankan Islam kepada usahawan Muslim. Apakah yang menggalakkan dan menghalang usahawan dalam mendapatkan pembiayaan dari institusi perbankan Islam? Sejauhmana keberkesanan produk dan pencapaian usahawan yang memperolehi pembiayaan?.Mengapakah usahawan Muslim masih gagal dalam perniagaan walaupun telah memperolehi pembiayaan? Apakah peranan bank dalam membantu usahawan Muslim? Kajian ini akan memberikan tumpuan terhadap produk pembiayaan di institusi perbankan Islam dalam membantu usahawan Muslim di Lembah Klang, sekaligus ianya mempertingkatkan pembinaan tamadun ummah melalui bidang keusahawanan. Beberapa penyelidik yang telah melaksanakan kajian antaranya Hashim dan Mohd Khairuddin (1999:1-12), Boocock dan Wahab (1997:1-28), Haron dan Shanmugam (1994:88-95) yang menyatakan bahawa masalah utama yang dihadapi oleh usahawan ialah kekurangan dan kesukaran untuk mendapatkan modal bagi memulakan perniagaan. Perkara ini telah disokong oleh kajian Ab. Aziz Yusof (2003:34) yang menyatakan bahawa antara masalah utama para usahawan dalam memulakan perniagaan adalah masalah kewangan.Menurut Abdul Halim Ismail (1992:262) dalam konteks ekonomi Malaysia hari ini, keperluan kepada pembiayaan hutang sekurang-kurangnya melibatkan beberapa bidang seperti berikut, antaranya:

- i) Pembiayaan pengguna seperti kediaman, kenderaan, peralatan dan barangan pengguna lain.
- ii) Pembiayaan perdagangan dalam negeri seperti pembelian dan jualan kredit.
- iii) Pembiayaan perdagangan antarabangsa seperti pembelian barangan import dan eksport secara kredit.
- iv) Pembiayaan korporat seperti pelbagai bentuk komponen hutang bagi badan-badan korporat.
- v) Pembiayaan antarabangsa seperti keperluan hutang asing sektor awam dan sektor swasta.
- vi) Operasi kewangan kerajaan seperti Bil Perbendaharaan, bon-bon Kerajaan dan sebagainya.



© COPYRIGHT UPM

Para usahawan perlu memikirkan dan berusaha untuk mendapatkan bantuan kewangan bagi memulakan perniagaan dan ianya merupakan tugas paling penting sebelum para usahawan itu memikirkan perancangan keseluruhan perniagaan (John, Wilkund &Shephard,2003:1307-1314). Menurut kajian Noor Azman Ali & Fauziah Mahat, (2009:15), 50% usahawan telah mendapatkan bantuan dari institusi kewangan, 12% mendapatkan pinjaman persendirian seperti dari rakan atau ahli keluarga dan 3% pula telah mendapat pinjaman dari bukan kenalan. Malah, 41% menggunakan pinjaman peribadi termasuk penggunaan kad kredit untuk membiayai perniagaan mereka. Selain itu, bilangan sebenar usahawan yang berjaya mendapat kemudahan pinjaman atau kredit amat sedikit dan jumlahnya terhad. Ianya disebabkan sebahagian besar pinjaman dan kemudahan kredit yang disediakan oleh pihak bank dan institusi kewangan kebanyakannya disalurkan kepada firma-firma besar. Malah, terdapat banyak kes di mana peratusan peruntukan pinjaman yang sepatutnya diagihkan kepada usahawan telah diberikan kepada firma-firma dan syarikat-syarikat besar (Mohd Sani Mohd Said, 2003:20-21). Menurut Ismail Mohd Salleh (1990:12) pula, masalah usahawan dapat dibahagikan kepada empat kategori iaitu masalah teknologi yang rendah, kurang bantuan kewangan, pasaran yang terhad dan hubungan yang lemah dengan syarikat-syarikat yang besar.

Menurut Ab. Mumin (1999:380), infrastruktur dan produk kewangan Islam telah memainkan peranan yang sangat penting dalam membina perniagaan. Sehubungan itu, pelbagai kontrak secara Islam telah diperkenalkan sama ada dari segi pembiayaan modal atau pembiayaan hutang. Kebanyakan institusi perbankan agak "keberatan" untuk memberikan pinjaman atau pembiayaan kepada para usahawan yang tidak mempunyai pencapaian rekod dan juga sandaran untuk pinjaman mereka. Berdasarkan kajian yang dibuat di Malaysia oleh JBIC Institute (2007:85),tujuan utama para usahawan kecil mendapatkan pembiayaan dari pelbagai institusi kewangan adalah untuk tujuan-tujuan berikut :

i) 32% adalah untuk menampung kekurangan modal kerja.
ii) 30% adalah untuk membeli mesin dan peralatan.
iii) 16% adalah untuk membina bangunan dan membiayai hartanah.
iv) 11% adalah untuk menjalankan pelajaran dan pembangunan.
v) 5% adalah untuk pembiayaan semula, dan
vi) 6% adalah untuk lain-lain keperluan.

Keusahawanan merupakan satu bidang strategik yang sentiasa menjadi perhatian dan sentiasa berubah mengikut peredaran zaman. Bagi umat Islam, keusahawanan telah memainkan peranan yang penting dalam pembentukan tamadun Islam sejak dari zaman Rasulullah s.a.w. lagi. Bidang keusahawanan atau perniagaan merupakan pilihan umat Islam khususnya sejak awal kedatangan Islam, malah tidak terkecuali baginda Rasulullah s.a.w. sendiri adalah seorang usahawan. Menurut Khalid Muhammad Khalid (1968:643), baginda Rasulullah s.a.w. telah berdagang menyusuri Semenanjung Tanah Arab bersama kafilah dagang Arab yang lain dan baginda s.a.w. juga telah membuktikan bahawa keusahawanan merupakan kerjaya strategik yang perlu dihayati oleh umat Islam seluruhnya sepertimana yang dijelaskan oleh baginda Rasulullah s.a.w. dalam sabdanya yang bermaksud (Musnad Ahmad, t.t:hadis 1628):

> *"Daripada Rafi' bin Hadij bahawa Rasulullah ditanya mengenai apakah pekerjaan yang paling baik? Rasulullah menjawab: "Kerja seseorang dengan tangannya sendiri dan perniagaan yang diberkati"*



© COPYRIGHT UPM

Allah s.w.t. telah berfirman yang bermaksud :

> *"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu di antara kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu".*(Surah an-Nisa', 4:29)

Baginda Rasulullah s.a.w. juga telah bersabda yang bermaksud (Sunan al-Tirmizi,t.t, Hadis 1130):

> *"Sembilan persepuluh sumber rezeki (boleh diperolehi) melalui perniagaan".*
>
> (*Hadith Riwayat al-Tarmizi*)

Islam amat menggalakkan umatnya bekerja sendiri dan menceburi bidang keusahawanan kerana bidang ini bukan sahaja dapat menjana pendapatan peribadi bahkan ianya juga dapat membuka peluang pekerjaan kepada orang lain. Bidang keusahawanan ini bukan sahaja dipandang mulia di sisi Islam malah ianya dijanjikan dengan balasan yang baik di akhirat sekiranya para usahawan ini memenuhi tuntutan agama. Ini dijelaskan oleh baginda Rasulullah s.a.w. dalam hadith yang bermaksud (Sunan al-Tirmizi,t.t, Hadis 1130):

> *Abi Sa'id menceritakan bahawa Rasulullah s.a.w. berkata:"Seseorang peniaga yang jujur dan amanah akan bersama nabi-nabi, para siddiqin dan para suhada'".*
>
> (*Hadith Riwayat al-Tarmizi*)

Menurut Muhammad Yusuf al-Kandahlawi (t.t:99-100), kegemilangan Islam terus disokong oleh golongan usahawan yang terdiri daripada para sahabat dan tabi'in. Para sahabat telah membuktikan bahawa perniagaan merupakan sumber utama dalam menggerakkan ekonomi umat Islam. Perniagaan yang dijalankan pada ketika itu lebih telus dan bebas daripada unsur penipuan. Islam amat menyokong dan memberikan ruang yang sangat luas bagi urusan jual beli dan perniagaan. Ianya bersesuaian dengan firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

> *"Dan Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba"*(Surah al-Baqarah,2:275)

## 1.2 Persoalan Kajian

Persoalan kajian di dalam penyelidikan ini ialah :

1. Bagaimanakah operasi, perkhidmatan serta produk pembiayaan di institusi perbankan Islam ditawarkan kepada usahawan Muslim dan bagaimanakah pencapaiannya?
2. Apakah faktor penggalak dan penghalang usahawan Muslim dalam mendapatkan pembiayaan dari institusi perbankan Islam?
3. Apakah faktor kegagalan usahawan Muslim dalam perniagaannya?
4. Sejauhmanakah keberkesanan produk pembiayaan yang diperolehi dari institusi perbankan Islam kepada usahawan Muslim?
5. Sejauhmanakah peranan bank dalam membantu dan memantau usahawan dalam menjalankan dan memajukan perniagaannya?



© COPYRIGHT UPM

## 1.3 Objektif Kajian

Pemilihan tajuk " Peranan Pembiayaan Institusi Perbankan Islam Dalam Membantu Usahawan Muslim Di Lembah Klang".Berdasarkan tajuk kajian ini, pelajar akan memastikan objektif kajian yang perlu dicapai ialah :

1. Mengenal pasti operasi, perkhidmatan, jenis produk pembiayaan Perbankan Islam yang ditawarkan kepada para usahawan Muslim dan pencapaiannya.
2. Mengenal pasti faktor-faktor penggalak dan penghalang usahawan Muslim dalam mendapatkan pembiayaan dari institusi perbankan Islam.
3. Mengenal pasti faktor kegagalan usahawan Muslim dalam perniagaannya.
4. Mengkaji keberkesanan produk pembiayaan di institusi perbankan Islam kepada usahawan Muslim di Lembah Klang, Malaysia.
5. Mengkaji peranan institusi perbankan Islam dalam membantu dan memantau usahawan Muslim dalam menjalankan dan memajukan perniagaannya.

## 1.4 Kepentingan Kajian

Antara kepentingan kajian ini ialah :

1. Dapat mengetahui perkembangan produk pembiayaan yang ditawarkan oleh institusi perbankan Islam di Malaysia serta pencapaian usahawan Muslim yang mendapat pembiayaan tersebut. Selain itu, kajian ini juga dapat melihat peranan institusi perbankan Islam dalam memperkembangkan, memajukan dan membantuusahawan Muslim dalam perniagaan mereka.
2. Dapat mengetahui dan mengenal pasti faktor penggalak dan penghalang bagi usahawan Muslim dalam mendapatkan pembiayaan dari institusi perbankan Islam. Faktor penggalak dan penghalang ini akan menjadi panduan kepada usahawan sekiranya mereka bercadang mendapatkan pembiayaan dari institusi perbankan Islam.
3. Dapat memberi input dalam menambah baik perkhidmatan dan strategi institusi perbankan Islam di Malaysia dalam mempromosikan produk pembiayaan bagi membantu usahawan Muslim. Segala pandangan yang diperolehi dari usahawan Muslim dapat dijadikan penambahbaikan kepada institusi perbankan Islam sebagai agen pembangunan bidang keusahawanan di negara ini.
4. Analisa dan dapatan kajian ini akan dapat membantu institusi perbankan Islam dan para usahawan Muslim dalam memenuhi kehendak serta keperluan masing-masing khususnya dari aspek keberkesanan produk pembiayaan yang usahawan perolehi. Institusi perbankan Islam sebagai pemberi pembiayaan akan menambahbaik ciri-ciri produk pembiayaan agar ianya bertepatan dan bersesuaian dengan bidang perniagaan yang dijalankan oleh usahawan tersebut.
5. Kajian ini juga akan memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha membangunkan bidang keusahawanan di Malaysia sama ada pihak kerajaan mahupun pihak swasta, terutamanyadari aspek peranan yang perlu dimainkan oleh agensi-agensi tersebut. Sekiranya, pihak kerajaan dan swasta memainkan peranan dan fungsinya dengan tepat, ianya akan mempercepatkan serta mempermudahkan lagi perkembangan bidang keusahawanan di negara ini.

© COPYRIGHT UPM

## 1.5 Batasan Kajian

Kajian ini memfokuskan perbincangan tentang peranan dan sumbangan yang dimainkan oleh institusi perbankan Islam di Malaysia kepada usahawan Muslim. Kajian dijalankan ke atas institusi perbankan Islam di Lembah Klang yang mana ianya hanya tertumpu dan terbatas kepada empat (4) ibupejabat institusi perbankan Islam yang beroperasi di sekitar Lembah Klang sahaja iaitu Ibu pejabat Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), Ibu pejabat Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB), Ibu pejabat Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (Bank Rakyat) dan juga Ibu pejabat Bank Industri Kecil Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank).

Kajian ini dijalankan dengan mendapatkan data-data dari empat (4) ibu pejabat perbankan tersebut sehingga Disember 2013 memandangkan laporan tahunan bank terakhir diperolehi bagi tahun tersebut. Pelajar akan menemu bual pegawai bank yang terlibat secara khusus terhadap pembiayaan perniagaan kepada para usahawan Muslim yang mana pelajar yakin mereka ini dapat menjelaskan secara terperinci persoalan-persoalan dan permasalahan kajian yang dijalankan oleh pelajar.Pelajarhanya menemu bual para usahawan Muslim yang menjalankan perniagaan di Lembah Klang dan telah mendapat pembiayaan dari salah satu dari empat buah institusi perbankan Islam yang dikaji sahaja.

## 1.6 Definisi Konseptual Dan Operasional Kajian

Kajian ini merupakan sebahagian daripada bidang ekonomi Islam. Perkembangan tamadun Islam sangat berkait rapat dengan ekonomi Islam yang mana idea-idea ekonomi dalam tamadun Islam telah pun diketengahkan oleh beberapa sarjana Islam seperti Ibn Khaldun, Malik Bin Nabi dan juga Imam al-Ghazali. Menurut Ibn Khaldun, prinsip keadilan merupakan asas kepada segala aktiviti ekonomi. Justeru itu, kajian ini bertajuk " Peranan Pembiayaan Institusi Perbankan Islam Dalam Membantu Usahawan Muslim Di Lembah Klang" akan mengkaji keluasan maksud keadilan sesuai dengan kajian ini. Untuk lebih memahami tajuk kajian ini, pelajar akan menjelaskan beberapa istilah penting seperti pembiayaan Islam, institusi perbankan Islam dan usahawan Muslim dari segi konseptual dan juga operasional.

### 1.6.1 Pembiayaan Islam

**i).Konseptual pembiyaan Islam**:

Menurut Kamus Kewangan Islam (2011:84), "Pembiayaan" bermaksud pembiayaan yang diberikan oleh bank kepada pelanggan berasaskan prinsip hutang seperti pembiayaan secara *Qardhul hasan, Bai' Murabahah, Bai' bithaman Ajil, dan Bai' Muajjal*. Bentuk pembiayaan ini membolehkan pelanggan memperolehi aset dengan berhutang dari pihak bank dan pelanggan perlu membayar semula hutang pada jumlah serta tempoh masa tertentu. Ia juga didefinisikan sebagai *the management of public money, provide money scheme* yang bermaksud perbuatan menguruskan wang orang lain, menyediakan wang untuk sesuatu rancangan, demi membantu menjalankan sesuatu perniagaan atau membeli sesuatu barangan (Osman Sabran, 2001:3).Dr Wahbah al-Zuhayli (1997:3923), mengatakan pembiayaan dalam bahasa Arab sebagai *"Qirad"* yang bermaksud modal yang diberikan oleh seorang pemodal kepada seseorang pengusaha untuk diurusniagakan yang mana keuntungan akan diberikan kepadanya. Selain itu, menurut Abdul Halim Ismail (1996:4) pembiayaan ditakrifkan



© COPYRIGHT UPM

sebagai *al-Mudharabah* yang bermaksud pergi bermusafir di atas muka bumi untuk menjalankan perniagaan. Pinjaman dibenarkan dalam Islam tetapi tidak boleh melibatkan unsur riba. Pembiayaan dalam Islam lebih kepada urusniaga komersial yang berbentuk perniagaan. Segala produk yang diurusniagakan akan mengutamakan keuntungan yang seharusnya diperolehi dari transaksi pembiayaan tersebut.

**ii).Operasional Pembiayaan Islam**:

Pelaksanaan pembiayaan Islam hendaklah mematuhi prinsip-prinsip Syariah yang bermatlamatkan bagi mencapai kejayaan golongan usahawan Muslim. Prinsip tersebut juga akan membincangkan maksud keadilan dalam pembiayaan tertentu yang sesuai dengan kajian ini. Pelaksanaan pembiayaan Islam hendaklah dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab, berkualiti, bersungguh-sungguh dan mesra pelanggan antara peminjam dan pemberi pinjam dengan menunjukkan akhlak yang mulia. Islam juga menekankan konsep hak dalam memenuhi syarat-syarat perjanjian serta pengawasan yang rapi kerana tanpa syarat-syarat ini ia boleh menafikan hak-hak seseorang dalam urusan perbankan.

### 1.6.2 Institusi Perbankan Islam

**i). Konseptual Institusi Perbankan Islam:**

Institusi Perbankan Islam bermaksud institusi yang diwujudkan untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan bank berlandaskan undang-undang Islam (Rosli Mahmood, 1994:5). Perkataan "bank" berasal dari bahasa Itali iaitu *banco yang bermakna* bangku (tempat duduk yang panjang) yang terdapat di pusat perniagaan atau rumah berhala di mana pemberi hutang duduk menjalankan perniagaan (hutang) mereka. Pengertian asal itu kemudiannya telah mengalami evolusi sehingga ianya diguna pakai oleh institusi-institusi yang menguruskan pinjaman seperti Bank of Venice yang merupakan antara bank yang terawal ditubuhkan dan juga menguruskan deposit seperti Bank of Amsterdam yang telah ditubuhkan pada tahun 1609 (F.L. Garcia,1962:39).Perkataan "bank" kemudiannya diterima pakai oleh orang Arab dan menjadi perkataan yang diarabkan (Mustafa, t.t:513). Walaupun begitu, menurut Sami Hassan Ahmad Hamoud (1982:31)perkataan *al-Masraf* yang asal tidak boleh menggantikan perkataan bank yang dikenali pada hari ini.Mustafa Abdul Allah al-Hamsyari (1985:27-28) sebaliknya menganggap perkataan *al-Masraf* dan bank adalah benda yang sama dan pandangan beliau ini merupakan pandangan umum masyarakat hari ini. Istilah "perbankan Islam" lebih popular dan lebih meluas penggunaannya berbanding dengan perkataan "perbankan tanpa riba".[1]Menurut Kamus *al-Munjid Fi al-Lughah wa al-I'lam*(1994:50) pula mendefinisikan 'bank' sebagai tempat untuk meletakkan harta bagi tujuan pekerjaan tertentu di bawah penyelenggaraan yang khusus. Kamus Perbankan (1998:11) mendefinisikan 'bank' sebagai institusi kewangan yang menjalankan aktiviti seperti menerima deposit daripada orang ramai dan memberikan pinjaman kepada pelanggan. Manakala menurut Kamus Ekonomi (1993:11) mendefinisikan 'bank' sebagai institusi kewangan yang menjalankan

[1]Pada peringkat awal, perintis perbankan Islam lebih gemar menggunakan istilah "Perbankan Tanpa Riba" dalam penulisan mereka. Sebagai contohnya, Muhammad Nejatullah Siddiqi (1969) telah memilih tajuk bukunya *Ghair Sudi Bank Kari* diterjemahkan dari urdu ke Bahasa Inggeris pada 1973 dengan tajuk "*Banking Without Interest*"; Begitu juga dengan Muhammad Baqir al-Sadr (1990) yang telah memberikan tajuk bukunya *al-Bank al-La Ribawi.* Ahmad al-Najjar (t.t), menggunakan istilah yang sama dalam bukunya *al-Madkhal ila al-Nazariyyah al-Iqtisadiyyah fi al-Manhaj al-Islami*.



© COPYRIGHT UPM

urusniaga seperti menerima simpanan, memberi pinjaman, menjalankan dasar kewangan kerajaan. *The International Association of Islamic Bank* (IAIB) telah memberikan definisi perbankan Islam yang umum iaitu perbankan yang melaksanakan konsep perbankan yang berpegang teguh kepada peraturan Islam dalam segala urusan kewangannya dan lain-lain urusan (Radiah Abdul Kader, 1993:75). Ausaf(1987:10) telah memberikan definisi perbankan Islam yang umum merangkumi semua jenis perbankan Islam iaitu institusi perbankan yang menjalankan segala aktiviti perbankan mengikut prinsip dan ideologi Islam. Abdul Allah ‘Abdul al-Rahim al-Abadi (1994:162) pula mendefinisikan perbankan Islam sebagai institusi perbankan yang komited untuk tidak terlibat dengan riba dalam semua urusannya, manakala al-Tayyar pula mendefinisikan perbankan Islam ialah pertubuhan yang terlibat secara langsung dengan amalan kewangan yang berdasarkan syariat Islam dan mengaplikasikan kaedah-kaedah Fiqh.

Mahmud Muhammad Babalilli (1989:200) mentakrifkan perbankan Islam sebagai sebuah institusi kewangan yang mengumpul dana dan menggunakannya dalam lingkungan syariat Islam dengan tujuan membina kesatuan masyarakat Islam bagi merealisasikan keadilan pengagihan.Bagi Abd Sami’ al-Misri (1988:9) pula menjelaskan bahawa perbankan Islam bukanlah semata-mata perantara kewangan seperti bank perdagangan konvensional sebaliknya ia ditubuhkan berperanan mengikut kaedah usaha dan ganjaran, pulangan dan risiko serta pembahagian keuntungan yang dikurniakan Allah s.w.t. kepada pihak-pihak yang terlibat mengikut peratusan nisbah yang telah dipersetujui bersama. Menurut Ahmad al-Zarqa’ (2001:429) pula mendefinisikan perbankan Islam sebagai perbankan yang menjalankan aktivitinya berasaskan kaedah *al-ghurm bi al-ghurm*,[2] berusaha, sanggup menanggung kerugian, mengambil sesuatu jika diberi dan mengagihkan keuntungan mengikut persetujuan. Sudin Haron (1996:2) pula mendefinisikan perbankan Islam sebagai perbankan yang prinsip perjalanan dan amalannya berlandaskan hukum Islam atau Syariah. Bank Negara Malaysia (BNM) pula mendefinisikannya sebagai suatu rangka kerja institusi yang direka bentuk untuk mengaplikasikan konsep perbankan tanpa faedah (Cheah Kooi Guan & Loke Ying Jia, 2000:135). Menurut Abdul Halim Ismail (1990:69) pula, perbankan Islam adalah satu rangka kerja institusi perbankan dan kewangan yang prinsip perjalanan dan amalannya berlandaskan Syariah untuk merealisasikan keadilan pengagihan kekayaan dan pendapatan. Menurut Joni Tamkin Borhan (2000:106), perbankan Islam ialah institusi yang diwujudkan untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan bank khususnya kepada umat Islam yang berlandaskan hukum syarak untuk merealisasikan keadilan dalam pengagihan kekayaan dan pendapatan serta berteraskan mekanisme perkongsian untung rugi (*profit lost sharing*) yang menjadi alternatif kepada perbankan konvensional. Menurut Noor Saliza Zainal dan Zulkifli Mohd Yusof (2008:2) pula, perbankan Islam didefinisikan sebagai suatu aktiviti perbankan yang berdasarkan kepada prinsip-prinsip Syariah. Perbankan Islam tidak membenarkan pembayaran dan penerimaan faedah atau riba sebaliknya menggalakkan perkongsian keuntungan dalam urusan perniagaan. Menurut Badariah Sahamid (1988:73) perbankan Islam bermaksud institusi kewangan yang dikendalikan menurut prinsip Islam. Bank ini meliputi bank perdagangan Islam atau bank pelaburan atau ekuiti yang ditubuhkan untuk membiayai projek pembangunan. Perbankan Islam bukan sahaja menjalankan aktiviti perbankan tanpa faedah tetapi juga pengurusan bank yang

[2]Kaedah ini bermaksud setiap ganjaran atau pulangan atau manfaat adalah balasan dari pertanggungjawaban terhadap sesuatu. Rasulullah s.a.w. melarang ganjaran tanpa sebarang pertanggungjawaban seperti riba.



© COPYRIGHT UPM

selaras dengan nilai-nilai dan prinsip Islam seperti keadilan sosial, kesamarataan dan kebajikan. Ab. Rashid Haji Dail (1994:63) mentakrifkan perbankan Islam sebagai penolakan konsep *riba nasiah* yang dikenali sebagai faedah yang menjadi nadi kewujudan bank konvensional. Selain itu, perbankan Islam perlu menerima dan melaksanakan prinsip ekonomi Islam iaitu semua operasi dan pengurusan yang dijalankan hendaklah selaras dengan Syariah Islam. Dalam hal ini, perbankan Islam ditakrifkan sebagai institusi perbankan yang mengambil deposit yang mana skop aktivitinya termasuklah semua aktiviti perbankan yang dikenali sekarang kecuali membuat pinjaman dan memberi pinjam berasaskan faedah (al-Jarhi, Mabid Ali & Iqbal, Munawar (2001:23). Oleh itu, perbankan dan kewangan Islam tidak boleh difahami secara terpisah daripada Islam itu sendiri sebagai sistem kepercayaan dan cara hidup. Perbankan Islam bukan sahaja telah menolak dan menghapuskan amalan-amalan yang bertentangan dengan syariat Islam terutamanya amalan riba dan manipulasi tetapi juga membangunkan, menyuburkan dan memperkasakan prinsip-prinsip muamalat Islam.

**ii). Operasional Institusi Perbankan Islam**:

Definisi operasional perbankan Islam ialah institusi kewangan yang tertakluk sepenuhnya kepada pematuhan dengan perundangan Islam yang bersumber daripada al-Quran dan al-Sunnah yang mengumpul dana dan menjalankan operasinya dengan tujuan membina kesatuan masyarakat Islam bagi merealisasikan keadilan pengagihan serta menggunakan dana itu mengikut landasan Islam.Dengan kata lain, definisi operasional perbankan Islam dapat dilihat dari sudut fungsi utamanya iaitu menyalurkan peruntukan sumber-sumber dana kewangan untuk kegunaan yang lain (*re-source allocation*) seperti menyalurkan dana kepada usahawan (Abdul Ghafar Ismail (2010:47). Untuk memenuhi peranan ini, institusi perbankan Islam melaksanakan enam fungsi berikut: (i) menyelesaikan dan melunaskan pembayaran; (ii) mengumpul dana dan mengagihkan kekayaan dan aliran dana supaya projek berskala besar dan kecil dapat dibiayai; (iii) memindahkan sumber-sumber ekonomi tanpa mengira waktu, lokasi dan sektor; (iv) mengumpul, memproses dan menyalurkan informasi kewangan untuk tujuan pembuatan keputusan; (v) menyediakan langkah-langkah untuk menguruskan ketidaktentuan (*uncertainty*) dan mengawal risiko (Ab. Mumin Ab. Ghani (1999:255).

### 1.6.3 Usahawan Muslim

**i). Konseptual Usahawan Muslim:**

Definisi konseptual usahawan Muslim adalah individu yang diberi kelebihan oleh Allah s.w.t. untuk berusaha memanfaatkan kurniaanNya dengan tujuan meningkatkan kesejahteraan penghuni semesta alam(Ab. Aziz Yusof, 2004:33).MenurutMuhammad Syukri Salleh (1999:47), usahawan Muslim adalah individu yang bersedia menyumbang modal, kepakaran dan kemahiran melalui pembangunan kreativiti dan inovasi dengan memastikan tindakan dan keputusan yang diambil mestilah selari dengan kehendak syariat Allah s.w.t. Menurut beliau lagi, sarjana Barat melihat usahawan dalam konteks yang amat terhad dan hanya tertumpu kepada kebolehan fizikal serta akal manusia dengan membelakangkan aspek kerohanian dan ketuhanan.Menurut Adnan Alias (2002:4) pula, beliau mentakrifkan usahawan Muslim sebagai seorang individu yang sentiasa memburu dan menilai peluang perniagaan dengan tujuan meraih keuntungan serta mengembangkan perniagaan dengan melabur



© COPYRIGHT UPM

